

0921

U B193 AAB  
MAHATHIR - BRITAIN  
(1)  
DARIPADA ABDUL RAHMAN SULAIMAN

EMBARGO UNTUK SIARAN PADA JAM 4.30 PAGI WAKTU MALAYSIA (21 JULAI):

-----

LONDON, 20 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGGESA BRITAIN +LEBIH PEKA KEPADA KEPERLUAN DAN ASPIRASI MALAYSIA DENGAN JANJI BAHAWA MALAYSIA AKAN +PANDANG+ SEMULA KE BRITAIN.

KATANYA, MALAYSIA JUGA INGIN MENERIMA KEUTAMAAN-KEUTAMAAN BARU BRITAIN DAN MEMPEROLEHI FAEDAH, JIKA BOLEH, DARIPADA IDEA-IDEA BARU YANG MUNGKIN DIDAPATI DALAM INDUSTRI NYA.

PERDANA MENTERI YANG BEDANG DALAM LAWATAN RASMI ENAM HARI KE BRITAIN BERUCAP PADA MAJLIS MAKAN MALAM MERAIKAN BELIAU YANG DIADAKAN OLEH RAKAN SEJAWATANNYA PUAN MARGARET THATCHER DI NO 10, LEBUH DOWNING DI SINI.

BELIAU BERKATA ATAS SEBAB-SEBAB SEJARAH, BRITAIN SENTIASA MENJADI NEGARA PILIHAN BAGI KEBANYAKAN RAKYAT MALAYSIA, BAIK UNTUK MELANJUTKAN PENGAJIAN TINGGI DAN LATIHAN MAHUPUN UNTUK BERCUTI.

KATA PERDANA MENTERI, PURATA, RAKYAT MALAYSIA MENGETAHUI LEBIH MENGENAI BRITAIN DARIPADA PURATA RAKYAT BRITAIN MENGETAHUI TENTANG MALAYSIA. -- LAGI

2335MST 20 07 87

MAHATHIR - BRITAIN 2 LONDON  
(1)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU MEMULAKAN LAWATAN INI DENGAN FIKIRAN POSITIF DAN YAKIN BAHAWA HUBUNGAN DUA HALA ANTARA KEDUA-DUA NEGARA BOLEH DIPERTINGKAT PADA TAHAP YANG TELAH LAMA MENJADI CIRI-CIRI HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

SEHUBUNGAN DENGAN INI, BELIAU MENGGESA MALAYSIA DAN BRITAIN BERUSAHA MEMPERKUKUKAN HUBUNGAN DEMI MEMASTIKAN USAHA, INISIATIF DAN PENDEKATAN KITA LEBIH BERMAKNA+.

+BIARLAH KITA BERSABAR TERHADAP KRITIK ANTARA SATU SAMA LAIN, JIKA PERLU TETAPI BERDIRI TEGUH TERHADAP KEPENTINGAN YANG KEDUA-DUA PIHAK TERIKAT,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU TANPA MERUJUK SECARA KHUSUS KEPADA +DASAR BELILAH BARANGAN BRITAIN HANYA SEBAGAI PILIHAN TERAKHIR+ YANG DILANCARKAN DARI TAHUN 1981-1985, BERKATA PEMBAHARUAN STRUKTURAL OLEH KEDUA-DUA NEGARA MEMBAWA PERUBAHAN KEPADA MEREKA YANG SEHINGGA SEKARANG MENERIMANYA BULAT-BULAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SUDAH MENJADI TRADISI MURNI BRITAIN SEGERA MENERIMA +ANGIN PERUBAHAN.+ -- LAGI  
0007MST 21 07 87

MAHATHIR - BRITAIN 3 LONDON

(1)

KATA BELIAU, DENGAN PENERIMAAN ITU, MAKA BARULAH DATANG KEUPAYAAN UNTUK MENYESUAIKAN, MENJANGKA DAN AKHIRNYA MENYERTAI PROSES HASIL DARIPADA PERUBAHAN ITU.

INI IALAH CIRI-CIRI KEBIJAKSANAAN YANG JIKA KITA MEMILIKINYA, KITA DAPATTERUS HIDUP.

DALAM HUBUNGAN INI, KATA PERDANA MENTERI, MALAYUSIA JUGA TIDAK KETINGGALAN UNTUK MELAKSANAKAN PERUBAHAN KERANA SUDAH NAMPAK DENGAN JELAS TANDA-TANDA SEPERTI KEJATUHAN HARGA KOMODITI DAN PASARAN YANG TERHAD.

JUSTRU ITU, PERDANA MENTERI BERKATA HUBUNGAN DUA HALA ANTARA MALAYSIA-BRITAIN HENDAKLAH MEMENUHI KEHENDAK KEDUA-DUA NEGARA DAN MENAMBAH KATA MALAYSIA TIDAK MAHU MENOLEH KE BELAKANG KERANA INI TIDAK MEMBAWA MANFAAT.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, +SAYA JELAS NAMPAK PERANAN YANG BOLEH DIMAINKAN OLEH SEKTOR SWASTA KEDUA-DUA NEGARA DAN TIDAK KURANG JUGA SUMBANGAN BESAR KEDUA-DUA KERAJAAN.+ -- LAGI

0021MST 21 07 87

D952

U B196 AAB

MAHATHIR - BRITAIN 4 LONDON

(1)

PERDANA MENTERI BERKATA HUBUNGAN EKONOMI ANTARA MALAYSIA-BRITAIN HENDAKLAH MENJADI TUMPUAN UTAMA KEDUA-DUA KERAJAAN BERTA SEKTOR SWASTA KEDUA-DUA NEGARA.

KATANYA, BENTUK HUBUNGAN INI HENDAKLAH MENBJADI CONTOH BAGI PERHUBUNGAN YANG MEMBAWA MANFAAT ANTARA BEKAS KUASA PENJAJAH DAN NEGARA YANG SUDAH MERDEKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MEMBERI PERHATIAN BERAT KERANA IA MENGALAMI DEFIBIT YANG AGAK KETARA DALAM PERDAGANGANNYA DENGAN BRITAIN DAN USAHA MALAYSIA UNTUK MENCAPAI PERSEIMBANGAN PERDAGANGAN BELUM MEMBUAHKAN HABIL.

KATANYA, AMATLAH PENTING KEDUA-DUA NEGARA MENGATASI MASALAH ITU YANG DIHADAPI DALAM BIDANG INSURANS, PENDIDIKAN DAN PERKAPALAN KERANA DALAM BIDANG-BIDANG INILAH, BRITAIN BOLEH MEMAINKAN PERANAN POSITIF.

DALAM KONTEKS INI, MALAYSIA BERHARAP BRITAIN MEMPELBAGAIKAN IMPORTNYA DARI MALAYSIA DAN TIDAK MENGIMPORT HANYA BARANGAN UTAMA MALAYSIA SAHAJA, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA JUGA BERTARAP PELABURAN BRITAIN DI MALAYSIA MENINGKAT TERUTAMA SEKARANG APABILA KERAJAAN MELONGGARKAN SYARAT-SYARAT BAGI PELABURAN ASING. -- LAGI

0037MST 21 07 87

D959

U B200 AAB  
MAHATHIR - BRITAIN 5 LONDON (ULANGAN DENGAN PEMBETULAN)  
(1)

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYENTUH MENGENAI HUBUNGAN UTARA-SELATAN, MASALAH DADAH DAN DASAR APARTHEID BERTA DASAR PANDANG KE TIMUR.

MENGENAI DASAR PANDANG KE TIMUR, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU SEDAR BESETENGAH PIHAK MENKRITIK DASAR ITU DENGAN MENUDUH MALAYSIA MENGENEPIKAN TEMAN-TEMAN LAMA DARI BARAT.

BELIAU LALU MEMBERI JAMINAN KEPADA BRITAIN BAHAWA MALAYSIA TIDAK MELUPAI RAKAN-RAKAN LAMANYA.

SEBAGAI BUKTI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PADA MASA INI, ADA KIRA-KIRA 100,000 ORANG PELAJAR MALAYSIA YANG MENUNTUT DI BARAT SEDANGKAN DI JEPUN, KOREA DAN TAIWAN, ADA KIRA-KIRA 1,000 ORANG PELAJAR SAHAJA.

\*KAMI PERLU BELAJAR APAKAH YANG MEMBOLEHKAN NEGARA-NEGARA INI DAPAT BERSAING DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU. -- LAGI

0110MST 21 07 87

D958

U B199 AAB  
MAHATHIR - BRITAIN 6 LONDON  
(1)

MENGENAI HUBUNGAN UTARA-SELATAN, PERDANA MENTERI BIMBANG AKAN KEMUNGKINAN KEMAJUAN TEKNOLOGI YANG DICAPAI TIDAK MEMBANTU NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN TETAPI SEBALIKNYA MELUASKAN JURANG PERBEZAAN ANTARA UTARA-SELATAN.

BERHUBUNG DENGAN MASALAH DADAH, DATUK SERI DR MAHATHIR MENYERU SEMUA NEGARA YANG MENYERTAI PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI PENGEDARAN DAN PENYALAHGUNAAN DADAH DI VIENNA BARU-BARU INI MELAKSANAKAN KEPUTUSANNYA. -- BERNAMA

0104MST 21 07 87